Miss Mayura Yusof lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia dan lain-lain

A

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — PERMOHONAN JENAYAH NO BA-44–26–01 TAHUN 2020
MOHD YAZID H
7 OKTOBER 2020

B

Undang-undang Pentadbiran — Habeas corpus — Permohonan-permohonan habaes corpus atas alasan ketidakpatuhan prosedur — Sama ada pemohon diberikan 'fair trial' sewaktu pendengaran representasinya — Sama ada kegagalan lembaga penasihat untuk mengeluarkan sapina kepada saksi penting — Sama ada penafian untuk suatu pendengaran representasi yang hadir dan efektif — Sama ada pihak PPA gagal mengemukakan Borang 1 kepada lembaga penasihat dengan serta-merta

C

D

Pada 15 November 2019, peguam pemohon telah menulis surat untuk mengeluarkan sapina kepada pegawai penyiasat kes ini, namun lembaga penasihat telah memaklumkan bahawa permohonan itu tidak dapat dipertimbangkan memandangkan surat permohonan tersebut kurang dari lima hari bekerja dari tarikh pendengaran representasi. Semasa perbicaraan di hadapan lembaga penasihat, peguam pemohon telah memohon untuk memanggil pegawai penyiasat kes, namun pegawai penyiasat tidak menghadirkan diri dan peguam pemohon telah diarahkan untuk meneruskan dengan rerpesentasi. Semasa pendengaran representasi kali pertama, peguam pemohon telah memohon untuk persidangan ditangguhkan atas alasan ingin memanggil pegawai penyiasat kes dan tiga orang saksi awam, pendengaran telah ditangguhkan kepada 21 Ogos 2019. Peguam pemohon telah dalam suratnya bertarikh 14 Ogos 2019 memohon agar pegawai penyiasat dan pegawai perakam dipanggil sebagai saksi dan turut menyatakan bahawa mereka dalam proses untuk mendapatkan butiran pegawai perakam dari IPK Kota Bharu. Surat tersebut telah diterima oleh lembaga penasihat pada 15 Ogos 2019 dan lembaga penasihat tidak memberikan apa-apa jawapan. Pada tarikh pendengaran seterusnya, pendengaran diteruskan peguam pemohon telah memanggil dua saksi awam dan pemohon sendiri telah memberikan keterangan bersumpah. Isu-isu untuk diputuskan adalah sama ada wujud ketidakpatuhan prosedur: (a) kegagalan lembaga penasihat untuk mengeluarkan sapina kepada saksi penting walaupun dipohon yang merupakan ketidakpatuhan kepada s 12 Akta Dadah berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1958 ('ABD (LLPK)'); (b) penafian untuk suatu pendengaran representasi yang adil dan efektif yang merupakan ketidakpatuhan kepada perkara 151(1) Perlembagaan Persekutuan; dan (c) kegagalan pihak PPA mengemukakan Borang 1 kepada lembaga penasihat

E

F

G

H

I

yang mana wujud kelewatan 3–4 hari merupakan ketidakpatuhan kepada k 3(4) Kaedah tersebut.

Diputuskan, membenarkan permohonan:

(1) Tindakan lembaga penasihat yang tidak memberi apa-apa jawapan ke atas permohonan peguam pemohon yang terdahulu adalah jelas bertentangan dengan s 12 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, perkara 5, 8 dan 151 Perlembagaan Persekutuan. Penafian hak pemohon untuk memanggil saksi bagi membuktikan ketidakbersalahan pemohon, dengan ini sekaligus telah menafikan hak *fair trial* pemohon kerana pemohon tidak diberi peluang untuk pendengaran representasi dengan sempurna. Mahkamah mendapati pelanggaran fasal-fasal Perlembagaan Persekutuan ianya satu pelanggaran undang-undang prosedur (*procedure law*). Kegagalan lembaga penasihat untuk memberikan jawapan dan mengeluarkan sapina kepada dua orang saksi tersebut telah menyebabkan pemohon dinafikan a *fair trial* di dalam pendengaran representasi pemohon pada 18 Ogos 2019 memandangkan keterangan saksi-saksi tersebut tidak dapat di dengar. Ekoran itu pendengaran representasi pemohon telah tidak di dengar secara efektif dan sempurna (lihat perenggan 16–18).

(2) Isu ketiga yang dibangkitkan oleh peguam adalah tidak bermerit kerana pihak PPA telah dijelaskan kenapa beliau hanya sempat menyerahkan Borang 1 kepada pemohon pada 1 Jun 2019. Berdasarkan fakta dan keadaan dalam kes ini, mahkamah mendapati peguasa PPA telah bertindak dengan serta-merta untuk menyerahkan Borang 1 kepada Lembaga Penasihat (lihat perenggan 22–23).

[English summary

On 15 November 2019, the applicant's counsel had written to issue subpoenas to the investigating officer of the case. However, the advisory board had informed that the application could not be considered due to the fact that the letter of application was less than five working days from the hearing date of the representation. During the hearing before the advisory board, the applicant's counsel had requested to call the investigating officer, but the investigating officer was not present, and the applicant's counsel was instructed to proceed with the representation. During the first hearing date, the applicant's counsel had requested the proceedings to be postponed on the ground that he intends to have the investigating officer and three public persons to be called, the hearing was postponed to 21 August 2019. The applicant's counsel in his letter dated 14 August 2019 requested that the investigating officer and the recording officer be called as a witness and stated that they were in the process of obtaining the particulars of the recording officer from IPK Kota Bahru. The letter was received by the advisory board on 15 August 2019 and the advisory board did not give any reply. On the next hearing date, the hearing was

continued and the counsel for the applicant called two witnesses and the applicant had given sworn evidence. The issues to be determined were whether there was procedural irregularities on: (a) failure of the advisory board to issue subpoenas to key witnesses requested was a non-compliance to s 12 of the Dangerous Drugs Act (Special Preventive Measures) 1958 ('the DDA (SPM)'); (b) denial of an effective and fair hearing of the presentation was a non-compliance to art 151(1) of the Federal Constitutional; and (c) failure of the PPA to issue Form 1 to the advisory board wherein there was a delay of 3–4 days was a non-compliance to r 3(4) of the said rules.

Held, allowing the application:

(1) The conduct of the advisory board when not providing any reply to the application of the applicant's counsel earlier was clearly in contradiction with s 12 of the Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985, arts 8, 6 and 151 of the Federal Constitution. The denial of the right of the applicant to call witnesses to prove the innocence of the applicant therefore had denied the right to a fair trial of the applicant because the applicant was not given a chance to have his representation heard completely. The court found that the breach of the provisions of the Federal Constitution was a breach of procedural law. The failure of the advisory board to provide a reply and issue subpoenas to the two witnesses had caused the applicant to be denied a fair trial during the hearing of the representation on 18 August 2019 considering that the witnesses were not heard. Following that, the hearing of the representation could not be heard effectively and completely (see paras 16–18).

(2) The third issue raised by the counsel was without merit as PPA had explained why Form 1 could only be served to the applicant on 1 June 2019. Based on the facts of this case, the court found that the PPA had acted immediately to serve Form 1 to the Advisory Board (see paras 22–23).]

Kes-kes yang dirujuk

Ahmad Rizal bin Soh lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri dan lain-lain (Rayuan No 05–29–02 Tahun 2018) (tidak dilaporkan), MP (dirujuk)

Collins Nwanganga lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri dan lain-lain (Rayuan No 05–251–10 Tahun 2017) (tidak dilaporkan), MP (dirujuk)

Kanageswaran a/l Siwapirkasam lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri dan lain-lain (Rayuan No 05–178–08 Tahun 2017) (tidak dilaporkan), MP (dirujuk)

Lee Kwan Woh v PP [2009] 5 MLJ 301, MP (dirujuk)

Lim Wen Jeng lwn Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2009] 1 MLJ 445; [2009] 1 CLJ 686, MP (dirujuk)

A *Mohd Anwar bin Kn Aliar Kunjoo lwn Ketua Polis Negara* [2015] MLJU 803, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

B Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ss 9(1), 12

Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1997 k 3(4), 10, 10(2), Borang 1

Perlembagaan Persekutuan perkara 5, 8, 151, 151(1)

C *KL Chee (KL Chee & Co) bagi pihak pemohon.*

Adilah Roslan (Peguam Kanan Persekutuan, Pejabat Penasihat Undang-Undang Kementerian Dalam Negeri) bagi pihak responden.

Mohd Yazid H:

D

[1] Pihak pemohon telah mengemukakan tiga isu ketidakpatuhan prosedur, iaitu:

(a) lembaga penasihat gagal mengeluarkan sepina kepada saksi penting
E walaupun dipohon. Ketidakpatuhan kepada s 12 Akta Dadah Berbahaya (LLPK) 1985;

(b) penafian untuk suatu pendengaran representasi yang hadir dan efektif — ketidakpatuhan kepada perkara 151(1) Perlembagaan Persekutuan; dan

F (c) pihak PPA gagal mengemukakan Borang 1 kepada lembaga penasihat dengan serta merta, wujudnya kelewatan selama 3–4 hari. Ketidakpatuhan kepada k 3(4) Kaedah berkenaan.

ISU PERTAMA DAN ISU KEDUA

G

[2] Pada 15 November 2019, peguam pemohon terdahulu telah menulis surat memohon sepina untuk memanggil Insp Azharida bin Abdullah (pegawai penyiasat kes ini) untuk memberi keterangan di hadapan lembaga
H pengerusi penasihat tetapi pengerusi lembaga penasihat tidak mengeluarkan sepina yang dipohon.

[3] Lembaga penasihat melalui suratnya bertarikh 16 Ogos 2019 memaklumkan kepada peguam pemohon tersebut bahawa permohonan
I tersebut tidak dapat dipertimbangkan memandangkan surat permohonan peguam pemohon tersebut yang diterima pada 15 Ogos 2019 iaitu kurang dari lima hari bekerja dari tarikh pendengaran representasi yang telah ditetapkan untuk bicara pada 21 Ogos 2019.

[4] Berasaskan fakta tersebut peguam pemohon alasan yang diberi oleh responden adalah alasan pentadbiran sahaja yang mana hak-hak seorang pemohon sepertimana yang diperuntukkan di bawah perkara 151(1) Perlembagaan Persekutuan dan prosedur *mandatory* di bawah s 9(1) Akta tersebut mendahului/mengatasi alasan pentadbiran lembaga penasihat.

[5] Peguam pemohon menghujahkan saksi yang ingin disepinakan adalah penting yang mana ianya diperlukan bagi pemohon bagi membuktikan kesnya dan menyangkal segala fakta-fakta yang dinyatakan di dalam pengataan fakta di dalam perintah tahanan tersebut. Kegagalan lembaga penasihat untuk mengeluarkan sepina tersebut merupakan suatu ketidakpatuhan kepada s 12 Akta tersebut.

[6] Peguam persekutuan sebaliknya menghujahkan memandangkan permohonan tersebut diterima oleh pihak responden dalam tempoh masa yang singkat, sudah tentu lembaga penasihat tidak dapat memproseskan sepina tersebut. Pihak pemohon telahpun diberi empat kali peluang iaitu sebelum pendengaran representasi pemohon bertarikh 25 Jun 2019, 9 Julai 2019, 31 Julai 2019 dan juga sebelum 21 Ogos 2019 bagi mengemukakan permohonan sepina tetapi peguam pemohon telah cuai dan dengan sengaja mengemukakan permohonan secara lewat. Lembaga penasihat tidak pernah menghalang pihak pemohon daripada memanggil saksi tersebut, cuma permohonan tersebut tidak dapat diproseskan dalam tempoh masa yang singkat, dan ekoran itu permohonan itu tidak dapat dipertimbangkan. Tindakan lembaga penasihat tersebut jelas teratur dan tidak terjumlah kepada satu ketidakpatuhan prosedur di bawah s 12 Akta tersebut.

[7] Selain itu, lembaga penasihat mempunyai kuasa dan budi bicara di bawah k 10 Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1997 bagi menentukan tempoh masa bagi permohonan sepina perlu dikemukakan bagi tujuan memastikan sepina dapat diproses dalam tempoh masa yang cukup oleh lembaga penasihat (kes-kes *Mohd Anwar bin Kn Aliar Kunjoo lwn Ketua Polis Negara* [2015] MLJU 803, dan *Lim Wen Jeng v Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2009] 1 MLJ 445; [2009] 1 CLJ 686 dirujuk).

[8] Bagi memutuskan isu ini, saya mendapati peruntukkan yang relevan adalah s 12 Akta tersebut.

[9] Seksyen 12 Akta tersebut memperuntukkan:

Seksyen 12 Kuasa untuk memanggil saksi

A Setiap Lembaga Penasihat hendaklah bagi maksud akta ini tetapi tertakluk kepada seksyen 14, mempunyai kuasa sebuah Mahkamah bagi memanggil dan memeriksa saksi-saksi mengendalikan sumpah atau ikrar dan bagi memaksa pengemukaan dokumen-dokumen.

B **[10]** Saya mendapati peruntukkan s 12 Akta tersebut adalah jelas di mana lembaga penasihat mempunyai kuasa seperti mahkamah untuk mengeluarkan sapina kepada mana-mana saksi yang dipohon oleh pemohon kecuali di atas alasan kepentingan keselamatan sahaja (rujuk k 10(2) Kaedah berkenaan).

C **[11]** Berbalik kepada kes ini, pemohon di perenggan 27 menyatakan bahawa semasa perbicaraan di hadapan lembaga penasihat, peguam pemohon terdahulu telah memohon memanggil pegawai penyiasat kes pemohon namun pegawai penyiasat telah tidak menghadirkan diri dan selanjutnya peguam terdahulu pemohon diarahkan untuk meneruskan dengan representasi. Selanjutnya representasi diteruskan.

D

[12] Pendengaran represetasi kali pertama ditetapkan pada 31 Julai 2019. Pada hari tersebut peguam terdahulu telah memohon persidangan representasi ditangguhkan atas alasan ingin memanggil pegawai penyiasat kes pemohon dan tiga orang saksi awam. Pendengaran representasi pemohon ditangguh pada 21 Ogos 2019.

E

[13] Pada 21 Ogos 2019 peguam pemohon telah memanggil dua saksi awam iaitu ayah tiri pemohon dan ibu pemohon. Pemohon juga telah memberi keterangan secara bersumpah dan peguam pemohon telah diberi peluang untuk menyoal balas saksi-saksi tersebut.

F

[14] Peguam pemohon terdahulu dalam suratnya bertarikh 14 Ogos 2019 memohon agar pegawai penyiasat Insp Azhar Rizal Idzan bin Abdul Wahab dan pegawai perakam di panggil sebagai saksi. Di dalam surat tersebut peguam juga menyatakan pihaknya masih dalam proses untuk mendapatkan butiran pegawai perakam dari ibu pejabat polis kotigen Kota Bharu untuk dipanggil sebagai saksi dalam kes ini.

G

H

[15] Surat tersebut telah diterima oleh lembaga penasihat pada 15 Ogos 2019 dan lembaga penasihat tidak memberikan apa-apa respon. Pendengaran representasi pada 18 Ogos 2019 diteruskan di pengerusikan oleh Dato' Othman bin Yusof bersama Dato' Hj Ahmad Marzuki bin Hj Mohd Saad dan Puan Norsiah bt Baharin.

I

[16] Saya mendapati tindakan lembaga penasihat yang tidak memberi apa-apa respon ke atas permohonan peguam pemohon yang terdahulu adalah jelas bertentangan dengan s 12, perkara 5, 8 dan 151 Perlembagaan

Persekutuan. Penafian hak pemohon untuk memanggil saksi bagi membuktikan ketidakbersalahan pemohon, dengan ini sekaligus telah menafikan hak 'fair trial' pemohon kerana pemohon tidak diberi peluang untuk pendengaran representasi dengan sempurna.

[17] Saya mendapati perlanggaran fasa-fasa Perlembagaan Persekutuan ianya merupakan satu perlanggaran undang-undang prosedur (*procedure law*). Dalam kes *Lee Kwan Woh v Public Prosecutor* [2009] 5 MLJ 301 di mana Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa perlanggaran perkara 5 dan perkara 8 merupakan perlanggaran undang-undang prosedur:

(1) to determine whether the right claimed in the instant case exists at all turns on the interpretation of art 5(1) of the Constitution. As the Federal Constitution is the supreme law of the Federation it ought not to be interpreted by the use of the canons of construction that are employed as guides for the interpretation of ordinary statutes. In addition, the constitution is a document *sui generis* governed by interpretive principles of its own which imposes a duty on the court to adopt a prismatic approach when interpreting the fundamental rights guaranteed under Part II of the Constitution. Further in interpreting provisions appearing in Part II of the Constitution the court must bear in mind art 8 that guarantees fairness in all legislative, administrative and judicial action .

(2) *the expression law in art 5(1) of the Constitution included written law and the common law of England, ie, the rule of law and all its integral components and in both its procedural and substantive dimensions. Thus, it is settled law that the rule of law has both procedural and substantive dimensions. It is also clear from the authorities that it is a fundamental right guaranteed by art 5(1) that a person's life or personal liberty may not be deprived save in accordance with state action that is fair both in point of procedure and substance. When this principle is applied to a criminal case it means that the accused has a constitutionally guaranteed right to receive fair trial, which includes his right to make a submission of no case at the close of the prosecution's case and that he cannot waive this right or be deprived of it. However, in the instant case the accused did not have a fair trial and art 5(1) was violated.* Thus, at the close of the prosecution case, *a trial court must invite submissions from the accused and it was then open to the accused to elect to either make a submission or not to, but the court could not deny him the opportunity to make a submission of no case to answer* (see paras 16, 18–19).

[15] We next move to consider the expression 'according to law' appearing in art 5(1). *It is counsel's submission that the expression 'law' Includes procedural law.* In support he cited the judgment of Lee Hun Hoe CJ (Borneo) in *Re Tan Boon Liat* [1977] 2 MLJ 108 where the learned Chief Justice held that:

> ... in accordance with law in art 5 of our Constitution is wide enough to cover procedure as well. Here the point is not whether the question of procedure is more important under one Constitution than under the other. If the expression 'in accordance with law' were to be construed as to

exclude procedure then it would make nonsense of art 5.

With respect we agree. It is equally our misfortune that we find ourselves in disagreement with the contrary view expressed by Suffian LP in the same case and in *Karam Singh v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia* [1969] 2 MLJ 129. *In our judgment what art 5(1) strikes down is all forms of state action that deprive either life or personal liberty bearing a meaning of the widest amplitude in contravention of substantive or procedural law.* (Penekanan ditambah.)

[18] Saya mendapati kegagalan lembaga penasihat untuk respon dan mengeluarkan sapina kepada dua orang saksi tersebut telah menyebabkan pemohon dinafikan 'a fair trial' di dalam pendengaran representasi pemohon pada 18 Ogos 2019 memandangkan keterangan saksi-saksi tersebut tidak dapat di dengar. Ekoran itu pendengaran representasi pemohon telah tidak di dengar secara efektif dan sempurna.

[19] Isu penolakan pengeluaran sapina oleh lembaga penasihat kepada saksi-saksi yang dipohon oleh pemohon telah diputuskan di hadapan Mahkamah Persekutuan pada 13 Mac 2018 di mana Mahkamah Persekutuan telah memerintahkan pengeluaran perintah habeas corpus terhadap kedua-dua perayu iaitu dalam kes *Kanageswaran a/l Siwapirkasam v Timbalan Menteri Dalam Negeri dan lain-lain* (Rayuan No 05–178–08 Tahun 2017) (tidak dilaporkan) dan kes *Collins Nwanganga v Timbalan Menteri Dalam Negeri dan lain-lain* (Rayuan No 05–251–10 Tahun 2017) (tidak dilaporkan). Mahkamah Persekutuan di dalam kedua-dua rayuan telah memutuskan bahawa dalam keadaan di mana pihak tahanan telah membuat permohonan untuk pengeluaran sapina terhadap saksi-saksi berdasarkan alasan-alasan kukuh yang menjurus kepada hal perkara perintah tahanan, lembaga penasihat seharusnya mengeluarkan sapina tersebut. Sekiranya lembaga penasihat ingin menolak permohonan sapina tersebut, lembaga penasihat seharusnya memberi alasan-alasan yang lengkap dan munasabah untuk menyangkal alasan-alasan yang diberi oleh pihak tahanan dalam permohonannya. Mahkamah Persekutuan seterusnya memutuskan bahawa keengganan pihak lembaga penasihat untuk mengeluarkan sapina yang dipohon telah menafikan hak 'fair trial' pihak tahanan kerana pihak tahanan tidak diberikan peluang untuk menjalankan representasi beliau dengan sempurna.

[20] Isu penolakan pengeluaran sapina telah dibangkitkan semula di hadapan Mahkamah Persekutuan di dalam satu lagi rayuan iaitu *Ahmad Rizal bin Soh lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri dan lain-lain* (Rayuan No 05–29–02 Tahun 2018) (tidak dilaporkan). Dalam rayuan tersebut, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa s 12 Akta tersebut adalah diguna pakai bagi kesemua saksi yang mana bukan merupakan orang tahanan di bawah Akta tersebut. Oleh itu sekiranya sapina perlu dikeluarkan terhadap

saksi-saksi yang bukan merupakan orang tahanan di bawah Akta tersebut seperti tahanan penjara ataupun pegawai polis, permohonan untuk pengeluaran sapina seharusnya di buat kepada lembaga penasihat. Dalam keadaan sedemikian, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa lembaga penasihat seharusnya mengeluarkan sapina yang dipohon tersebut.

[21] Saya mendapati isu ini yang dibangkitkan oleh peguam pemohon adalah bermerit kerana ianya menjurus kepada ketidakpatuhan prosedur. Dengan ini permohonan untuk satu writ habeas corpus adalah dibenarkan dan pemohon hendaklah dibebaskan dengan serta merta.

ISU KETIGA

[22] Saya mendapati isu ketiga yang dibangkitkan oleh peguam adalah tidak bermerit kerana penguasa PPA telah menjelaskan kenapa beliau hanya sempat menyerahkan Borang 1 kepada pemohon pada hari Sabtu 1 Jun 2019 walaupun pemohon telah di hantar ke PPA Batu Gajah pada 31 Mei 2019. Disebabkan pada hari Sabtu dan Ahad, Pejabat Lembaga Penasihat tutup kerana cuti hujung minggu, pegawai PPA hanya dapat menyerahkan Borang 1 kepada lembaga penasihat pada hari Isnin 3 Jun 2019.

[23] Berasaskan fakta dan keadaan dalam kes ini, saya mendapati peguasa PPA yang telah bertindak dengan serta merta untuk menyerahkan Borang 1 kepada lembaga penasihat.

[24] Berasaskan isu pertama dan isu kedua yang dibangkitkan menjurus kepada ketidakpatuhan prosedur, atas alasan ini suatu writ habeas corpus dibenarkan dan pemohon dilepas dan dibebaskan dengan serta merta.

Permohonan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Izzat Fauzan